



SISWA perlu mempersiapkan diri dengan nilai kehidupan yang baik selain tidak mudah tergugat dengan tarikan arus kemodenan. - Gambar Google

SISWA generasi Y berdepan dengan pelbagai konflik diri yang lebih terarah kepada keseronokan berbanding pelajaran. - Gambar Google

GHAIIRA Htonjol pemikiran MODEN



Generasi terpelajar muda kini melihat proses pendidikan perlu bersikap terbuka, bebas serta tiada sebarang sekatan

bagi siswa generasi Y bagi menghadapi cabaran era kemodenan ini?

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Dr Mohammad Shatar Sabran berkata, siswa masa kini perlu mempunyai daya pemikiran melangkaui generasi dulu bagi membuktikan mereka adalah generasi Y.

Bagaimanapun, memegang gelaran itu tidak bermaksud mereka boleh dengan sewenang-wenangnya 'memodenkan' diri tanpa mengira penerimaan masyarakat sekeliling.

"Siswa ini adalah generasi moden yang lahir dengan kemajuan sains dan teknologi serta disokong pemodenan bertahap global.

"Namun, kemodenan yang dikecapi itu tidak bermakna semua aturan boleh 'dilanggar' sesuka hati.

"Sebagai manusia, tamadun, batas susila dan adat adalah sebahagian peraturan hidup yang tidak boleh diketepikan," katanya.

Beliau berkata, kehairanan generasi muda sama ada pelajar sekolah atau siswa di institusi pengajian tinggi menunjukkan kemodenan

pemikiran sangat membimbingan.

"Melihat keberanian itu seolah-olah kemodenan hidup hari ini menjadi tiket mereka bebas melakukan apa saja.

"Ini bertentangan dengan penerimaan generasi sebelum ini. Walaupun berfikiran terbuka, mereka masih dibatasi peraturan serta kemampuan berfikir," katanya mengakui pertembungan itu mewujudkan konflik antara kedua-dua generasi.

"Misalnya, siswa melihat proses pendidikan hari ini perlu bersikap terbuka, bebas dan tanpa sebarang sekatan."

"Tapi generasi sebelumnya yang juga pernah ber gelar siswa melihat pendekatan itu mencälarkan imej intelektual golongan itu.

"Apabila ada dua pendapat berbeza, konflik wujud sekali gus menjadikan kedua-dua generasi seperti 'bermusuhan' kerana sukar menerima perubahan itu," katanya.

Beliau tidak menolak kemodenan pemikiran generasi siswa hari ini juga boleh melahirkan golongan intelektual berani dan memper-

juangkan suara orang lain.

"Namun, peratusnya masih terlalu kecil berbanding kelompok yang menggunakan pengaruh kemodenan untuk merosakkan diri sendiri juga orang lain.

"Contohnya, berapa ramai siswa atau pelajar yang mampu menggunakan gajet sedia ada tanpa merosakkan pemikiran dengan perkara tidak berfaedah?

"Berapa ramai pula yang 'kurang cerdik' untuk berfikir sebelum melakukan perbuatan sia-sia yang akhirnya menjadi viral dalam kalangan masyarakat?" soalnya.

Katanya, biarpun hidup pada zaman moden, tidak semua perkara boleh dilakukan sesuka hati.

"Zaman memang berubah, namun ada adat dan tatasusila tidak akan berubah sampai bila-bila."

"Sebagai generasi muda dan terpelajar, mereka perlu menunjukkan tahap pemikiran tinggi serta mampu berfikir jauh."

"Bukan memberi rasa kekaguman melalui perbuatan tidak berfaedah yang akhirnya akan men-



JANGAN lakukan perbuatan sia-sia kerana impaknya sangat besar kepada masa depan. - Gambar hiasan

jatuhkan maruah mereka," katanya.

Pakar neurologi, psikologi dan psikiatri yang juga Pengarah Pusat Neurosains, University of California, San Francisco, Profesor Madya Dr Adam Gazzaley berkata, peningkatan ketara rasa kemodenan yang dicetuskan generasi muda hari ini bertitik tolak daripada dua faktor utama iaitu tahap pendidikan tinggi dan perkembangan dunia teknologi maklumat (IT).

Menurutnya, berdasarkan kajian dalam kangan responen muda di beberapa negara Eropah, kebanyakannya berpen-

dapat pemikiran moden perlu diselaraskan dengan perbuatan.

"Secara dasarnya, kebanyakan masalah siswa atau pelajar moden berpunca daripada pemikiran yang menganggap setiap tindakan itu sebagai cara hidup."

"Mereka tidak mempertimbangkan secara serius kemungkinan bakal berlaku andai kata tindakan itu dilakukan."

"Ia boleh diibaratkan sebagai satu kegagalan kerana ketidakupayaan mendidik golongan itu bagi melaksanakan tindakan yang mempunyai nilai-nilai kehidu-

DR Mohammad Shatar

FOKUS

Oleh Ruhaiza Rusmin

ruhaizarusmin@hmetro.com.my

Paskal kemodenan menjadikan kehidupan generasi masa kini melalui perubahan cukup nyata dan drastik daripada sudut pemikiran serta tindakan.

Biarpun tidak mampu menolak tuntutan perubahan, kemodenan juga dianggap satu cabaran terbesar perlu dihadapi golongan terpelajar muda yang bergelar generasi Y.

Berbanding generasi dulu, cabaran dihadapi berbeza ibarat langit dan bumi, sekali gus turut meninggalkan persoalan dalam kalangan masyarakat apakah mereka mampu bertahan dengan kemodenan hari ini. Apakah yang perlu ada



PUPUKLAH nilai murni dalam kalangan generasi muda sejak awal lagi supaya mereka tidak mudah tergelincir dalam permainan arus kemodenan. -Gambar,hiasan



PELAJAR generasi Y cenderung kepada pengaksesan maklumat tanpa sempadan.
- Gambar Google



pan," katanya.

Beliau turut tidak menafikan peranan IT hari ini seperti sudah menggantikan emosi serta fizikal individu.

"Ini sangat berbahaya kerana ia bukan saja berkelempaan menghakis sifat dan emosi manusia, tapi berupaya mewujudkan manusia seperti robot."

"Apa yang nyata, dengan penonjolan sikap ditun-

juukkan hari ini, asas ke arah itu sudah ada.

"Justeru, perlu ada mekanisme kukuh bagi menangkis kemungkinan nilai-nilai itu akibat arus kemodenan dinikmati kini," katanya.

Beliau berkata, kemungkinan generasi Y untuk terjebak sebagai 'mangsa' kemodenan sangat tinggi.

Menurutnya, berdasarkan pandangan

penulis terkenal Amerika Syarikat yang juga penganalisa pengajian masa depan, John Naisbitt pada 1990, meramalkan salah satu daripada 10 kecenderungan manusia pada awal abad ke-21 ialah maklumat.

"Sebab itu, maklumat sering kali dijadikan platform 'menguji' sejauh mana perenerimaan golongan generasi

ini terhadap sesuatu tindakan.

"Jika maklumat itu boleh ditafsirkan dengan betul, biar moden bagaimanapun seseorang itu, ia tidak mudah terpengaruh.

"Tapi kebanyakan generasi Y termasuk mereka yang terpelajar 'kalah' dengan pengaruh kemodenan menjadikan sebahagian besar daripadanya gagal berfikir dengan baik," katanya.

Justeru, beliau berharap agar golongan ini menjadi semakin bijak menyesuaikan diri berdepan dengan kemodenan masa depan.

"Kita akur, kemodenan tidak boleh dipisahkan dengan perubahan zaman, namun tidak bermakna harus larut di dalamnya tanpa panduan.

"Gunakan ilmu diperoleh serta pertimbangan akal sebelum mengambil atau membuat sesuatu tindakan," katanya.

Ijazah bukan penentu kejayaan hidup



PENA
KAMPUS

Oleh Fauziah Samudi
rencana@hmetro.com.my

Antara soalan yang sering ditanya ialah adakah segurun ijazah akan membawa kepada kejayaan sebenar dalam hidup?

Masyarakat hari ini beranggapan hanya dengan segulung ijazah akan membawa seseorang itu berjaya, namun hakikatnya menuntut ilmu tidak mempunyai had masa dan tanpa ukuran sebarang sijil.

Dengan kata lain, tanpa ijazah bukan bermakna seseorang itu gagal. Semua orang di dunia ini boleh berjaya apabila mempunyai semangat tinggi dan usaha gigih dalam diri. Semangat adalah faktor penting dalam memotivasi diri yang boleh dipadukan bersama usaha untuk mencapai kejayaan.

Ada juga berpendapat lelaki tanpa ijazah, tetapi masih boleh mendaki kejayaan adalah mereka yang hebat. Mereka tiada sijil, namun mempunyai ilmu dan kemahiran yang hanya diperoleh melalui pengalaman.

Mereka tiada ijazah, namun mampu hidup lebih selesa jika dibandingkan dengan rakan lain yang mungkin mempunyai ijazah panjang berjela.

Justeru, perlu ada tanggapan positif untuk diterapkan dalam fikiran masyarakat bahawa lelaki tanpa ijazah juga boleh berjaya dalam hidup.

Sebenarnya, kelayakan akademik dan segulung ijazah bukan ukuran terhadap kebijaksanaan seseorang. Jangan terkejut jika ramai yang tanpa ijazah lebih berjaya daripada mereka yang berijazah kelas pertama.

Bukan pendidikan formal yang menentukan kejayaan kita, tetapi pengalaman guru terbaik sebagai panduan kehidupan.

Lelaki tanpa ijazah lebih praktikal berbanding lelaki berijazah. Kebiasaannya, lelaki yang 'kurang bijak di atas kertas' mempunyai kemahiran jauh bermanfaat. Mereka mungkin bukan pakar dalam akademik, tapi mungkin pakar pelbagai kemahiran.

Tanpa sekeping ijazah, peluang hidup tetap ada. Ramai graduan kini masih terkial-kial mencari pekerjaan biarpun ada ijazah atau keputusan peperiksaan cemerlang.

Selepas bertungku-lumus paling kurang tiga tahun di institusi pengajian tinggi, mereka akhirnya menjadi penganggur terhormat.

Bagi mereka yang tidak berpeluang kerana desakan semasa ataupun keputusan peperiksaan kurang melayakkan, pelbagai cara boleh dilakukan dalam tempoh berkenaan. Mungkin mencari pekerjaan bagi menstabilkan kewangan dan ekonomi.

Orang yang tidak mempunyai kelulusan tinggi juga boleh menjadi usahawan dan memberi peluang pekerjaan kepada mereka yang mempunyai ijazah pada masa depan.

Jangan sesekali kita menjadi masyarakat yang suka membuat perspektif negatif. Sangat rugi menilai seseorang melalui taraf pendidikannya dan bukan hati budinya.

'Penulis siswa Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai Negeri Sembilan.'

"Warga kampus yang ingin berkongsi penulisan mengenai isu semasa boleh menghantarnya kepada rhaizarsumin@hmetro.com.my atau rencana@hmetro.com.my